

→ BELIA

Pelbagai aktiviti Hari Belia Negara 2016

BH
15/5/16

Serdang: Pelbagai acara menarik berkonsepkan santai diadakan semalam sempena sambutan Hari Belia Negara 2016 yang diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini.

Malah, acara seperti senam aerobik, pertandingan karok komedia (dikir barat) serta persembahan kebudayaan dari negara Asia mendapat penyertaan amat menggalakkan daripada belia.

Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM), Ahmad Saparuddin Yusup, berkata pihaknya menyediakan 20 gerai termasuk pameran inovasi sosial, kerjaya, jualan makanan, baju dan UPM *Got Talent* selaras matlamat Kementerian Belia dan Sukan.

Katanya, sambutan tahun ini diadakan dalam skala lebih kecil berbanding tahun sebelum ini, tetapi beliau yakin penganjurannya membolehkan belia beramah mesra dengan pemimpin negara secara lebih dekat dan mesra.

Mengadakan forum bicara

"Kami juga mengadakan forum bicara mengenai isu semasa dengan menjemput ahli panel berpengalaman seperti Presiden Majlis Belia Asia (AYC), Hun Many dan Presiden Majlis Belia Komanwel (CYC), Kishva Ambigapathy," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Pemilihan *The Future Is Now* sebagai tema sambutan Hari Belia Negara tahun ini menunjukkan walaupun anak muda aset masa depan negara, pembangunan belia dan peremajaan negara perlu disegerakan.

Pekerja belia bagi Adab Youth Garage, Ahmad Fawwaz Ahmad Shukri, 27, berkata pusat itu ditubuhkan untuk mengawal budaya melepak dalam kalangan pelajar.

[FOTO AZHAR RAMLI/BH]



Sebahagian peserta menyertai pertandingan 'Roy Challenge Remote Control 2016' di Serdang.